

## **KESIMPULAN**

Keusahawanan bukanlah bidang yang baru namun, ianya mengambil masa yang lama untuk berkembang. Cabaran yang paling besar untuk dihadapi oleh seorang usahawan adalah apabila perlu berhadapan dengan pelbagai risiko yang akan melemahkan semangat dan membantutkan pelan perkembangan perniagaan yang telah disediakan. Seseorang perlu lebih bersemangat waja untuk mencuba kerana bidang keusahawanan adalah bidang yang memerlukan penerokaan, penyelidikan, dan kaedah cuba jaya supaya setiap yang ingin dicapai akan menjadi kenyataan.

Pelbagai resipi kejayaan usahawan yang sudah berjaya mencipta nama sebagai usahawan terkenal. Untuk usahawan baru, pelbagai perkara yang perlu dipelajari untuk menambah ilmu di dada dan jika mampu, diaplikasikan kepada perniagaan yang dijalankan. Walaupun kriteria baru usahawan berjaya semakin bertambah, senarai kriteria yang diberi boleh memberi pandangan penting dalam hampir semua kriteria biasa yang dipamerkan oleh usahawan berjaya. Pelbagai rahsia kejayaan usahawan berjaya yang dikongsikan di dalam buku ini menunjukkan ujian penilaian diri usahawan untuk melihat kecenderungan potensi keusahawanan dalam diri individu.

Keusahawanan Islam merupakan sebuah topik diperkatakan ketika ini. Bagaimana caranya usahawan termasuk Baginda Nabi Muhammad SAW sendiri menempuh cabaran untuk berjaya sebagai usahawan. Mempraktikkan keusahawanan Islam merupakan bonus kepada resipi kejayaan usahawan

kerana keusahawanan Islam menitikberatkan ciri-ciri dan unsur-unsur perniagaan yang suci dan tidak mengandungi unsur-unsur riba dan perkara-perkara lain yang dilarang di dalam hukum Islam. Secara keseluruhannya, jika usahawan itu ingin kekal lama dan mencari keberkatan di dalam bidang yang diceburi, keusahawanan Islam adalah jawapan terbaik untuk segala pencarian itu.

Keusahawanan dan inovasi adalah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan. Jika anda menjual pisang goreng yang dicelup tepung biasa dan digoreng dalam minyak yang banyak, itu adalah biasa. Namun, jika anda menjual goreng pisang yang dicelup dengan tepung berperisa strawberry, dan digoreng dalam minyak yang sedikit, anda adalah usahawan. Inovasi adalah sesuatu yang sangat perlu dalam dunia keusahawanan hari ini dan yang paling penting ialah, inovasi bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dicapai asalkan kena dengan cara dan latihan yang diberikan.

Dunia keusahawanan hari ini amat memerlukan inovasi. Hanya organisasi yang berinovasi sahaja yang akan mampu kekal bersaing dan mengharungi dunia sains dan teknologi yang semakin mencabar. Manakala bagi organisasi dan usahawan yang tidak mengikut keadaan semasa, mereka akan sentiasa berada di belakang pencabarnya.

Inovasi juga bukanlah sesuatu yang sangat sukar untuk dilaksanakan. Sepertimana yang telah diterangkan sebelum ini, jika faktor-faktor yang menghalang inovasi dapat dikesan dan diatasi maka kejayaan pastinya boleh dicapai. Malah, tujuh ciri yang telah dibincangkan sebelum ini seharusnya diambil kira oleh setiap individu demi memacu kejayaan yang cemerlang dalam organisasinya. Ciri tersebut bukanlah sesuatu yang asing, hanya kesungguhan dan keinginan yang tinggi